



**TATACARA PEMILIHAN DAN PELANTIKAN PENERUSI  
RANCANGAN, PENERUSI PROGRAM DAN  
PENYELARAS DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN, INSTITUT,  
PUSAT AKADEMIK, PUSAT PENYELIDIKAN DAN  
AKADEMI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Draf oleh**

**Jabatan Pendaftaran dan Pejabat Perundangan  
Universiti Sains Malaysia  
24 Disember 2012**

**PEMILIHAN DAN PELANTIKAN  
PENGERUSI RANCANGAN, PENGERUSI PROGRAM DAN PENYELARAS  
DI PUSAT PENGAJIAN DAN PUSAT KECEMERLANGAN USM**

**BAHAGIAN 1**

**KUASA-KUASA PERLEMBAGAAN UNIVERSITI DAN BIDANG KUASA NAIB CANSOLOR**

**1. Perlembagaan Universiti**

- 1.1 Seksyen 30 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia memperuntukkan antara lainnya bahawa semua pengerusi program akademik dan penyelidikan Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah menjadi ahli kepada Majlis Akademik Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi tersebut.
- 1.2 Bagi maksud definisi Tatacara ini, pengerusi program akademik dan penyelidikan dibawah Perlembagaan Universiti adalah juga bermaksud dan merujuk kepada pengerusi rancangan dan penyelaras yang dilantik di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi.

**2. Pewujudan Jawatan Pengerusi Rancangan, Pengerusi Program dan Penyelaras di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi**

- 2.1 Setiap Majlis Akademik Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah memastikan pewujudan jawatan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras berdasarkan kepada perundangan dan peraturan Universiti dan setiap perjawatan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras hendaklah mempunyai fungsi, tugas, pengurusan dan kewajipannya yang terang dan saksama.
- 2.2 Semua pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi yang dilantik berdasarkan sumber kuasa sah Universiti, adalah berhak untuk menerima elaun seperti yang termaktub di dalam peraturan Universiti.

**3. Kuasa Naib Canselor**

- 3.1 Naib Canselor adalah pihak berkuasa melantik mana-mana ahli akademik sebagai pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi.
- 3.2 Naib Canselor, pada bila-bila masa yang berkenaan, boleh membuat perwakilan kuasa pelantikan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada mana-mana Dekan atau Ketua Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi yang berkenaan.
- 3.3 Seseorang pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi yang dilantik di bawah Tatacara ini, hendaklah dilantik selama tempoh TIDAK melebihi tiga tahun, tetapi layak dilantik semula.
- 3.4 Naib Canselor boleh menerima apa-apa cadangan dan nama-nama ahli akademik yang layak untuk dipertimbangkan untuk dilantik sebagai pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras daripada Dekan atau Ketua Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi masing-masing.
- 3.5 Naib Canselor mempunyai budi bicara penuh untuk membuat keputusan mengekal, mengurang atau menambah jumlah dan bilangan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di sesuatu Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi.
- 3.6 Naib Canselor boleh, jika difikirkannya patut, menamatkan apa apa pelantikan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan tersebut dengan menyatakan sebab bagi penamatan tersebut. Sekiranya penamatan di bawah Tatacara 3.6 ini berlaku, maka segala proses lantikan baru pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras boleh dibuat berdasarkan Tatacara 3.4.

#### **4. Lain Lain**

- 4.1 Tatacara ini tidak terpakai kepada sebarang perjawatan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras yang bukan berbentuk akademik atau mana-mana pusat akademik atau penyelidikan yang bukan diluluskan oleh Senat atau Statut Universiti.
- 4.2 Sebarang pewujudan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras di bawah Tatacara 4.1 diatas, adalah di bawah budi bicara Naib Canselor tertakluk kepada Naib Canselor boleh mengarahkan sebarang pembayaran elaun pelantikan adalah dibawah tanggungan Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi berkenaan.
- 4.3 Tertakluk kepada kuasa meluluskan pewujudan di Tatacara 4.2 diatas, sebarang pelantikan pengerusi rancangan, pengerusi program dan penyelaras boleh dibuat oleh Dekan atau Ketua Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi berkenaan.

#### **5. Tatacara**

- 5.1 Tatacara ini adalah seperti yang telah digubal dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti.
- 5.2 Hak merujuk dan memakai Tatacara ini adalah hak Naib Canselor dan segala keputusan adalah muktamad.
- 5.3 Universiti boleh mengubah atau meminda apa-apa Tatacara ini dari masa ke semasa dengan kelulusan Naib Canselor.